



NORIZAN (tengah) menunjukkan rokok dan minuman keras seludup yang dirampas.

Rokok, arak RM1.6j dirampas

Kuching: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak merampas sejumlah rokok dan minuman keras seludup bernilai RM1.6 juta serta cukai dalam tiga serbuan berasingan di sini, pada 25 Februari lalu.

Pengarahnya, Norizan Yahya berkata, dalam serbuan pertama di sebuah premis di Batu 9, Jalan Penrissen kira-kira jam 9 pagi, sepasukan pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Unit Operasi Darat JKDM Kuching merampas 120,740 batang rokok putih serta 6,826.27 liter minuman keras pelbagai jenis.

Menurutnya, siasatan awal mendapati premis berkenaan dijadikan sebagai tempat penyimpanan serta menjalankan aktiviti penjualan rokok dan minuman keras yang disyaki barangan larangan.

Katanya, serbuan turut dijalankan di sebuah premis di Bandar Baru Batu Kawa (MJC) pada hari yang sama jam 9.45 pagi dan menemui sejumlah 2,776.25 liter minuman keras yang disyaki sebagai barangan tidak berkastam.

"Pada jam 10.40 pagi, bertindak atas maklumat yang diterima daripada Zon Risikan Ibu Pejabat

JKDM Sarawak, sepasukan pegawai membuat serbuan di sebuah premis di Taman Malihah di sini.

"Dalam serbuan itu, anggota kami menemui sejumlah 331,520 batang rokok putih dan kretek pelbagai jenama dan 13,681.92 liter minuman keras yang disyaki barangan tidak berkastam disimpan di dalam premis berkenaan," katanya.

Norizan berkata, semua barangan tidak berkastam itu dikenal pasti diseludup ke negeri terbabit melalui jalan tikus di sempadan Malaysia-Indonesia.

"Selain itu, sindiket penyeludupan turut menggunakan jalan laut dengan mengisytiharkan barangan itu sebagai barang lain ketika tiba di pelabuhan," katanya.

Menurutnya, ketiga tiga kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Dua lelaki tempatan turut ditahan dalam serbuan itu dan mereka kini dalam jaminan bagi membantu siasatan," katanya.